# SPRUMS tawan puncak UMS

## ► *Aktif fizikal dan mental, pencapaian seimbang dalam akademik*

HEPA
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
DARI KAMPUS

**KOTA KINABALU: Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS mengadakan satu pendakian ke puncak UMS.**

Aktiviti mendaki ini diadakan untuk memastikan ahli-ahli SPRUMS aktif dari segi fizikal dan mental agar mereka mempunyai pencapaian yang seimbang dalam bidang akademik.

Penglibatan dalam aktiviti juga memperatkan silaturahim di antara semua ahli SPRUMS yang terlibat sepanjang aktiviti ini berlaku.

Selain itu, ia juga membantu menghasilkan ahli sekretariat yang boleh bekerjasama, bersikap positif dan mampu menghayati nilai-nilai murni dengan baik melalui aktiviti ini dan menjadikan ahli sekretariat yang mempunyai fizikal yang cergas dan mental yang cerdas.

Selain itu, aktiviti ini juga memupuk sikap toleransi dan mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli sekretariat dan menyemarakkan semangat persaingan yang sihat di kalangan ahli.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof Madya Dr Ismail Ali, semua kelab badan pelajar bukan sahaja dilatih dengan aktiviti yang melibatkan kokurikulum, tetapi juga melibatkan kurikulum.

Katanya, kemahiran insaniah sebegini sangat dititikberatkan kepada semua pelajar.




**AHLI SPRUMS mengambil bahagian dalam aktiviti yang diadakan.**